

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Prestasi ringgit diunjur semakin positif selepas PRN



Prestasi ringgit diunjur semakin positif selepas PRN

Kerajaan Perpaduan terus stabil perkukuh daya tahan mata wang

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Prestasi ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dijangka positif menuju ke hadapan berikut keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri seperti yang dijangkakan, demikian menurut penganalisis.

Susulan kemenangan gabungan Kerajaan Perpaduan di Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan adalah munasabah un-

tuk menjangkakan ringgit mungkin akan mencerminkan trend sama disaksikan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) akhir tahun lalu.

Penganalisis TA Securities, Farid Burhanuddin, berkata ringgit dilihat meningkat secara beransur-ansur dan kekal berdaya tanah setakat ini berbanding dolar AS meskipun berdepan persekitaran luaran dan situasi politik domestik yang tidak menentu sebelum ini.

Beliau berkata, walaupun berdepan persekitaran luaran mencabar seperti dasar monetari global yang ketat, terutama oleh Rizab Persekutuan AS, kemerosotan harga komoditi dan pertumbuhan perilaian ekonomi China, ringgit ini berleger sekitar antara RM4.55 hingga RM4.60 sedolar AS selepas mengukuh ke paras RM4.5078 sedolar AS pada 31 Julai 2023.

Katanya, walaupun berdepan persekitaran tidak menentu, ringgit memperoleh daya tahan dengan meningkat secara beransur-ansur setakat ini, terutamanya selepas mencecah paras psikologikal yang ketara pada RM4.60 sedolar sejak 13 Julai 2023.

Pengukuhan beransur-ansur.
Selain itu, beliau menjelaskan pada 31 Julai lalu mata wang tempatan itu mengukuh kepada RM4.5078 sedolar.

"Menju ke separuh kedua tahun ini, dijangka berlaku pengukuhan ringgit yang konsisten dan beransur-ansur berbanding dolar AS.

"Pada masa ini, kami kekal optimis mengunjurkan ringgit untuk mencapai paras RM4.30 hingga RM4.40 berbanding dolar AS menjelang akhir Disember 2023.

"Justeru, ia menjadikan paras

purata sekitar RM4.40 sedolar AS," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Farid berkata, keyakinan akan timbul daripada pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan, termasuk Belanjawan 2024, semakan semula Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

"Langkah ini memacu keyakinan peserta pasaran, memandangkan iklim politik Malaysia kebiasaan mempunyai pengaruh besar terhadap prestasi mata wang.

"Tambahan lagi, kestabilan politik di negara ini dikembalikan selepas PRN berakhir seperti dijangkakan dengan status quo diketalkan," katanya,

Beliau menambah, Kerangka Ekonomi MADANI pula mencehrakan prospek untuk pelabur memasuki semula pasaran sa-

ham tempatan.

"Pelancarannya pada 27 Julai lalu menarik perhatian besar pelabur asing, membolehkan aliran masuk asing RM623 juta dalam hanya tiga hari," katanya.

Farid berkata, setakat 1 Ogos lalu ringgit hanya melembah 4.01 peratus berbanding dolar AS kepada RM4.588 sedolar AS dari pada RM4.4045 sedolar AS pada akhir 2022.

Beliau berkata, berbanding mata wang global lain, susut nilai ringgit paling ketara adalah berbanding rupiah, apabila merosot 6.60 peratus setakat tahun ini.

Katanya, mata wang tempatan itu juga menyusut nilai berbanding euro 6.55 peratus bagi tahun ini, rupee 4.05 peratus dan dolar Hong Kong 3.97 peratus.

"Bagaimanapun, ringgit mengukuh berbanding yen 5.77 peratus, yuan 0.73 peratus dan won 0.47 peratus," katanya.